

Headline	Gologan muda digalak ceburi sektor TBB		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	27
ArticleSize	445 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,440		



**DATUK** Seri Amir Hamzah Azizan melawat rerual pameran pada Pameran Pemerkaan Belia 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. • Foto BERNAMA

**KUALA LUMPUR:** Golongan muda perlu digalakkan untuk menceburi sektor tenaga boleh baharu (TBB) yang dapat membantu usaha kerajaan mempercepat peralihan tenaga negara. Sehubungan itu, Menteri

Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menyarankan agar golongan berkenaan untuk memanfaatkan peluang daripada inisiatif kerajaan yang turut mendorong peningkatan peluang pekerjaan dalam sektor TBB.

## Golongan muda digalak ceburi sektor TBB



Ini juga sejajar dengan pilihan Malaysia yang komited untuk menurunkan impak jejak karbon dan usaha berkenaan perlu disambut baik oleh syarikat-syarikat tempatan, kata beliau.

"Kerajaan memperuntukkan

sejumlah RM2 bilion sebagai dana asas untuk Fasiliti Peralihan Tenaga Nasional yang membolehkan syarikat-syarikat mengambil peluang untuk berganjak kepada TBB.

"Usaha kerajaan itu termasuk

memberikan akses pembiayaan melalui sistem perbankan yang mana bank-bank memperkenalkan pembayaran hijau. Pihak bank (terbabit) juga telah memberi komitmen pembiayaan melebihi RM200 bilion bagi menggalakkan peralihan industri kepada ekonomi rendah karbon," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri sesi forum bertajuk "Accelerating Malaysia's Sustainable Future" sempena program Youth Empowerment Fair 2024 (YEF 2024) di sini, kelmarin.

Terdahulu pada forum itu, Amir Hamzah turut berkongsi usaha Bank Negara Malaysia menyediakan dana RM892 juta bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di bawah Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF) untuk memudahkan mereka beralih kepada model perniagaan yang rendah karbon.

"Secara ringkasnya, kerajaan berusaha dari segi penetapan dasar, menyediakan kemudahan serta insentif dan seterusnya memastikan pasaran turut melaksanakan (perkara itu)," katanya. - Bernama